



STRATEGI

4 FLAT

DI MENARA GADING

MOHD ROZAIMY RIDZUAN

Kandungan

Perkara	Muka Surat
<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>ix</i>
<i>Singkatan</i>	<i>xi</i>
Bab 1 Jatuh Bangun	1
Bab 2 Teknik Strategi Lautan Biru	13
Bab 3 Teknik <i>Competitive Advantage</i>	19
Bab 4 Teknik Sambil Menyelam Minum Air	29
Bab 5 Teknik Ramah Mesra	45
Bab 6 Teknik Bekerja di dalam Tekanan	53
Bab 7 Teknik Mendapat Gred A	67
<i>Rujukan</i>	<i>77</i>
<i>Indeks</i>	<i>79</i>

Prakata

Mencapai gred yang baik dalam pengajian di peringkat universiti sudah pasti menjadi impian buat majoriti mahasiswa-mahasiswi, sama ada di universiti awam mahupun swasta. Terdapat beberapa sindiran manja yang mengatakan bahawa kecemerlangan akademik yang dimiliki oleh seseorang mahasiswa tidak semestinya memberi jaminan kepada seseorang itu untuk berjaya mendapatkan tempat di alam pekerjaan. Tanpa menafikan kenyataan tersebut, penulis berpendapat bahawa seseorang yang bergelar mahasiswa perlu meletakkan kecemerlangan akademik pada aras yang paling tinggi kerana aspek ini masih lagi menjadi perkara asas buat para majikan semasa proses penilaian pengambilan pekerja.

Buku berjudul *Strategi 4 Flat di Menara Gading* ini ditulis khas buat para mahasiswa-mahasiswi yang sedang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam mahupun Swasta. Kesemua bab yang ditulis di dalam buku ini merupakan penceritaan dan pengalaman sebenar penulis ketika beliau menjadi seorang mahasiswa pada satu masa lalu. Buku ini ada menceritakan tentang suka duka menjadi seorang mahasiswa dan beberapa strategi yang telah dilaksanakan oleh penulis bagi mendapat CGPA 4 *flat* ketika beliau menuntut di peringkat Sarjana, di Universiti Malaya. Walau bagaimanapun, apa yang diceritakan dan dikongsikan di dalam buku ini tidak semestinya perlu diikuti sepenuhnya oleh mahasiswa-mahasiswi kerana lain orang lain caranya, lain tempat ada bezanya. Diharapkan agar buku ini dapat memberikan panduan dan idea kepada para mahasiswa untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam pelajaran. Apa-apa pun, berusaha, berdoa dan selebihnya tawakal. Semoga berjaya!

Bab 1

JATUH BANGUN

Perjalanan kehidupan yang dilalui oleh seseorang itu tidak sama, ada yang berjaya dahulu dan akhirnya tersungkur, ada pula yang bersusah-susah dahulu dan akhirnya berjaya di kemudian hari. Selagi kita digelar sebagai seorang manusia, pasti kehidupannya mengalami pasang surut, kadang-kadang dipuja dan ada kalanya dicaci dan dihina. Betul jugalah sangkaan salah seorang ahli falsafah yang memperkenalkan *Cyclical Theory*. Beliau berpendapat bahawa setiap masyarakat kadangkala berada di bawah dan kadangkala berada pada zaman kegemilangannya dan jatuh semula disebabkan beberapa faktor seperti peperangan mahupun bencana alam.

Saya pernah memasang beberapa cita-cita untuk menjadi seorang Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) ataupun Penasihat Undang-undang (*legal advisor*). Tidak pernah terlintas di benak fikiran ini untuk menjadi seorang pensyarah kerana merasakan diri ini tidak layak berada di hadapan kelas dan mengajar anak-anak murid yang berumur sekitar 20-an. Di alam yang serba moden dan maju, ditambah pula dengan kemunculan telefon pintar, mudah untuk seseorang pelajar itu membidas idea-idea saya dengan hanya memicit-micit telefon pintar mereka ketika sesi kuliah berlangsung.

Teringat pula ketika mula-mula menjadi pensyarah di mana seorang pensyarah senior meminta saya menggantikan kelas Pengajian Jarak Jauh (PJJ) di Melaka. Ketika itu, terdetik sejenak di hati kerana saya akan mengajar pelajar-pelajar yang majoritinya sudah berkerja. Sudah tentu mereka ini banyak pengalaman bekerja, silap hari bulan, mudah sahaja hujah saya dipatahkan oleh mereka.

Buku ini menyorot beberapa konsep yang menjadi panduan serta bimbingan kepada para mahasiswa-mahasiswi tentang teknik-teknik yang berguna untuk mencapai kecemerlangan akademik. Selain itu, buku ini juga memberikan panduan dan idea yang luas kepada para pembaca tentang bagaimana untuk menguasai kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran berkomunikasi semasa sesi pembentangan, kemahiran belajar dalam keadaan yang tertekan, kemahiran mendapatkan nota dalam peluang yang amat terhad dan banyak lagi.

Buku ini lain daripada yang lain kerana penulis bukan sahaja memberikan motivasi secara terus, malah penulis juga cuba mengaitkan teknik-teknik motivasi tersebut dengan falsafah-falsafah dalam bidang pengurusan demi mengukuhkan lagi minat dan semangat pelajar untuk berjuang di menara gading. Selain itu, buku ini juga ditulis secara santai namun padat kerana isi kandungan buku ini diceritakan berteraskan teladan dan pengalaman pensyarah yang pernah mencapai kecemerlangan akademik suatu masa dulu. Walaupun buku ini banyak menceritakan tentang kehidupan mahasiswa di universiti, namun golongan sasaran yang lain seperti pelajar sekolah, penjawat awam dan swasta juga boleh mendapatkan ilmu yang bermanfaat daripada buku ini. Semoga bermanfaat buat semua dan selamat membaca!

MOHD ROZAIMY RIDZUAN

Penulis merupakan seorang pensyarah dasar awam di Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Raub. Beliau merupakan graduan Sarjana Muda Sains Pentadbiran di UiTM Shah Alam. Kemudian, beliau melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dalam jurusan Sains Pentadbiran di UiTM Shah Alam. Pada masa yang sama, beliau juga melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam jurusan Pentadbiran Awam di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Antara anugerah yang dicapai oleh beliau semasa dalam pengajian adalah Anugerah Dekan, Anugerah Naib Canselor, Anugerah Siswazah Cemerlang Negeri Sembilan dan Anugerah Kertas kerja Terbaik. Antara buku yang pernah diterbitkan oleh beliau ialah *Dasar Pengambilan Pembantu Rumah Asing Tanpa Ejen: Kebaikan Dan Kelemahan Dasar Baharu*, *Undang-undang dan Isu-isu Kontemporari Mengenai Pembantu Rumah Asing*, *LGA 76 Tutor Calendar*, *The Legal Provisions Relating to Local Government in Malaysia* dan *50 Cases Law of Contract*.